



Warta yang menghubungkan pelayanan penerbitan dan gereja BM

## **Wawasan Penabur di Usia Ke-17: Satu Perjalanan Rahmat, Pertumbuhan & Penggilan**

Allah telah menyediakan benih untuk disemai dan roti untuk dimakan.

Semoga Allah melipatgandakan benih yang telah kamu semai dan memperbanyak buah hasil perbenaranmu, serta memperkaya kamu dalam segala hal, sehingga kamu dapat terus-menerus bermurah hati. Pemberianmu yang disampaikan melalui kami akan menimbulkan rasa syukur kepada Allah. Kerana pekerjaan mulia yang sedang kita usahakan ini bukan sahaja akan menampung kekurangan orang salih, tetapi juga menyebabkan ramai orang mengucap syukur kepada Allah.

(2 Kor 9:10-12, AVB)

Wawasan Penabur akan mencapai usia 17 pada Januari 2026. Mencapai usia ini bukan sekadar satu penanda pada garis masa — ia adalah satu batu tanda di mana kami menoleh ke belakang dengan rasa syukur yang melimpah dan memandang ke hadapan dengan semangat yang diperbaharui bagi Tuhan yang telah menuntun setiap langkah kami. Sejak dari awal lagi, pelayanan ini bergantung sepenuhnya pada kesetiaan Tuhan. Setiap kesaksian, setiap kehidupan yang diubah, setiap kejayaan adalah batu peringatan yang menyatakan kebaikan Tuhan. Sama seperti umat Tuhan dalam Kitab Suci membina mezbah dan menandakan saat-saat penting untuk mengingatkan generasi akan tangan Tuhan yang perkasa, tahun ke-17 ini mengajak kami mengakui, "Sampai di sini TUHAN telah menolong kita." (1 Samuel 7:12, AVB).

Dalam Alkitab, nombor sering berfungsi sebagai penanda pergerakan Tuhan dalam sejarah, dan nombor 17 membawa tema peralihan, tujuan ilahi, pemulihan, kemenangan, dan permulaan baru. Yusuf berusia 17 tahun ketika TUHAN pertama kali menanamkan mimpi-Nya dalam dirinya (Kejadian 37:5). Apa yang bermula sebagai benih dalam hati seorang pemuda menjadi takdir yang menyelamatkan bangsa. Walaupun perjalanan itu dipenuhi dengan kesukaran, tujuan TUHAN tetap terlaksana. Begitu juga, pada hari ke-17 bulan ke-7, bahtera Noh beristirahat di Gunung Ararat (Kejadian 8:4) — satu tanda yang kuat bahawa selepas badai dan penghakiman, TUHAN membawa pembaharuan, harapan, dan permulaan baru.



Usia tujuh belas juga merupakan usia penting dalam perkembangan manusia. Ia adalah ambang antara remaja dan dewasa — satu musim yang dipenuhi dengan semangat, persoalan, pembentukan identiti, dan keinginan untuk memberi pengaruh. Golongan muda pada usia ini cukup matang untuk memikul visi yang diberikan Tuhan, namun masih lembut dan rendah hati untuk dibentuk dengan mendalam. Ia adalah usia di mana bimbingan, mentor, pemuridan, dan sauh rohani sangat penting.

Dalam banyak hal, Wawasan Penabur pada usia 17 mencerminkan golongan muda yang kami ingin muridkan: berakar dalam identiti, berkembang dalam kematangan, dan bersedia untuk bab seterusnya dalam apa yang Tuhan akan ungkapkan pada tahun-tahun mendatang. Kami bersyukur bukan sahaja atas tahun-tahun yang telah berlalu, tetapi juga atas rahmat Tuhan yang tidak berkesudahan yang telah membentuk perjalanan kami dan memberdayakan setiap langkah yang kami ambil. Setiap batu tanda adalah kesaksian akan kesetiaan-Nya; setiap kejayaan menampilkan cap tangan-Nya. Bagi-Nyalah segala kemuliaan ketika kita semua melangkah ke hadapan dengan rasa syukur yang mendalam, pengharapan kudus, dan kepercayaan yang teguh kepada pimpinan-Nya yang sempurna.

Seperti Eben-Haezer dalam Kitab Samuel, "Sampai di sini TUHAN menolong kita (AKM)", dan 12 batu Yosua di Sungai Yordan, tahun ke-17 ini selain menjadi kesaksian rahmat Tuhan yang menopang, juga merupakan penanda nubuatan yang memandang ke hadapan. Ketika Wawasan Penabur memasuki musim baru ini, kami melakukannya dengan rasa syukur atas apa yang telah Tuhan lakukan, dan semangat yang diperbaharui untuk apa yang masih akan Dia capai. Dengan semangat Yusuf ketika dia menerima mimpi pada usia 17, semoga pelayanan ini terus mengilhami, membekali, dan mengutus generasi yang kehidupannya akan menghasilkan buah yang kekal bagi kemuliaan Tuhan.

***Segala Kemuliaan bagi Tuhan sahaja!***

# 2025: Setahun Dalam Imbasan

2025	2026
<p><b>3 Buku Baru Diterbitkan</b></p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Memimpin Seperti Yesus (Januari)</li><li>2. Belajar untuk Memimpin (Ogos)</li><li>3. Tubuh Kita Amanah Ilahi (Ogos)</li></ol>	<p><b>Buku Baru untuk 2026</b></p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Sejarah Kekristianan di Malaysia</li><li>2. Saya Percaya kepada Kejatuhan Iblis</li><li>3. Panggilan untuk Mengikut</li><li>4. Liturgi Digital</li><li>5. Bahan Renungan Harian Tahunan</li></ol>

**Penerbitan** adalah pelayanan utama kami. Hingga kini, 265 judul telah diterbitkan, dan lebih banyak lagi akan menyusul. **Jumlah jualan buku pada tahun 2025:** RM124,500

<b>Alkitab Edisi Ilustrasi – 12,690 naskah</b> <b>Singa Yehuda – 12,635 naskah</b>	<b>Alkitab Edisi Ilustrasi – 12,000 naskah</b> <b>Singa Yehuda – 12,000 naskah</b>
<p><b>“Satu Anak Kristian Satu Alkitab (SAKSA)”</b> dan <b>“Setiap Murid Kristian Adalah Murid Kristus”</b> dimulakan sejak tahun 2011 dan 2017. Sehingga kini, kami telah mengedarkan 468,000 naskhah Alkitab Kanak-kanak dan 252,600 naskhah komik Singa Yehuda.</p>	

Inisiatif Emmaus (60 peks)	Inisiatif Emmaus (100 peks)
<p><b>Inisiatif Emmaus</b> menyediakan bahan pengajaran dan khutbah kepada semua pelajar tahun akhir Sekolah Alkitab. Kebanyakan pelajar akan melayani di kawasan pedalaman, di mana sumber-sumber ini telah menjadi bantuan yang amat besar dalam pelayanan mereka.</p>	

Inisiatif TITUS 2:7 (296 penerima)	Inisiatif TITUS 2:7 (200 penerima)
<p><b>Inisiatif TITUS 2:7</b> bertujuan menyediakan Alkitab Edisi Studi (AES) kepada para pastor, pemimpin, dan pelajar Sekolah Alkitab, pada harga subsidi RM50 senaskah.</p>	



# 2025: Setahun Dalam Imbasan

2025	2026
<p><b>Inisiatif Sikhem (Total: RM 186,000)</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>• 19 pekerja pelayanan belia</li><li>• 13 pelajar Sekolah Alkitab</li><li>• 2 pastor di pedalaman</li><li>• 7 pelajar tahun akhir Sekolah Alkitab yang mempunyai tunggakan yuran.</li></ul>	<p><b>Inisiatif Sikhem 2026:</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>• 23 pekerja pelayanan belia</li><li>• 18 pelajar Sekolah Alkitab</li><li>• 2 pastor di pedalaman</li></ul>

**Inisiatif Sikhem** menjambatani para penaja dan penerima merentasi denominasi dan bahasa. Ada 7 orang pelajar tahun akhir yang tidak dapat menerima ijazah mereka selagi yuran sekolah tertunggak belum diselesaikan. Kami berada di sana (dengan meja buku kami) pada masa yang tepat dan berjaya mendapatkan 2 orang penaja untuk membantu melunaskan yuran mereka dalam tempoh dua minggu sebelum Graduasi. Tuhan sungguh adalah Yehovah Jireh!

SKI 2025 – 32 pelajar	SKI 2026 – 31 pelajar SKIT 2026 – 30 pelajar
-----------------------	---

**Sekolah Kepimpinan Isakhar (SKI)** ialah sekolah Alkitab berkediaman tahunan kami, khusus untuk pelajar berumur 17–21 tahun.

Wawasan Penabur sedang bekerjasama dengan Suruhanjaya Orang Asli NECF untuk memulakan **SKIT (Sekolah Kepimpinan Isakhar-Timotius)** bagi belia Orang Asli berumur 17–25 tahun pada Mei–Jun 2026. Inisiatif ini dibuat sebagai pengiktirafan bahawa Orang Asli adalah anak sulung dan merupakan kunci kepada kebangunan rohani di Semenanjung Malaysia.

Bicara Sabda – 49 episodes (Edisi 176-225)	49 episode (Edisi 226-275)
Projek digital kami, <b>Bicara Sabda</b> , telah dijalankan sejak Julai 2021. Webinar selama satu jam ini disiarkan secara langsung setiap Isnin malam, jam 8–9 malam, melalui Zoom dan FB Live, dengan 600–800 penonton di FB setiap minggu.	





## Menjambatani Komuniti Kristian: Sikhem Initiative

### Dari Kehancuran ke Panggilan: Pemulihan Tuhan dalam Hidupku

Nama saya **Vediy Joseph**, dan saya berasal dari Kota Marudu, Sabah. Saya dibesarkan dalam keluarga Kristian, namun hanya pada tahun 2012 hati saya benar-benar terbuka kepada Yesus. Sejak kecil, saya menyaksikan ibu bapa saya bergelut dengan alkohol, dan rumah kami sering dipenuhi dengan ketidakpastian. Di dalam hati, saya sering bertanya, "Mengapa keluarga saya begini? Adakah hidup saya akan sentiasa begini?" Soalan-soalan itu mencerminkan kekosongan dalam diri saya, kekosongan yang mendorong saya mencari Tuhan. Bukan kerana saya kuat, tetapi kerana saya sangat merindukan dengan sepenuh hati untuk melihat keluarga saya dipulihkan.

Apabila saya menerima Yesus, hidup tidak serta-merta menjadi mudah. Saya melalui musim di mana doa-doa saya seolah-olah memantul ke dinding. Ada malam-malam saya menangis, tertanya-tanya sama ada Tuhan pernah mendengar saya. Namun setiap kali saya hampir berputus asa, tangan-Nya menahan saya tetap teguh. Kemudian, pada Disember 2017, Tuhan menjawab doa yang telah saya panjatkan bertahun-tahun: ibu bapa saya kembali ke gereja. Sehingga hari ini, mereka tetap setia. Pada saat itu, saya tahu tanpa ragu bahawa Tuhan itu benar-benar wujud. Tuhan mendengar. Tuhan memulihkan.



Pada tahun 2018, saya menjadi aktif di CLC UMS dan mula berkongsi Injil dengan rakan-rakan di kampus. Tetapi selepas tamat pengajian, ketika memasuki dunia pekerjaan, hati saya perlahan-lahan menjauh. Dari luar, saya kelihatan stabil, tetapi di dalam, saya kosong. Sekali lagi saya bertanya, "Tuhan, adakah inilah benar-benar tujuan Engku menciptakan saya?"



Segalanya berubah pada Konferensi PMM 2022. Statistik penurunan orang Kristian di Sabah menembusi hati saya. Dalam detik sunyi itu, saya merasakan Tuhan bertanya, "Jika ini membebankanmu, apa yang akan kamu lakukan?" Panggilan-Nya jelas tiada keraguan: saya perlu menyerahkan hidup saya sepenuhnya kepada misi-Nya.



Pada 2023, Tuhan membuka pintu melalui MCCC Sabah. Pada 2024, saya dihantar ke Vietnam. Kini, saya berada di Petaling Jaya menjalani Latihan Staf Baru, bersiap sedia untuk melayani-Nya dengan sepenuh diri saya. Hari ini, saya memilih untuk taat kerana saya telah menyaksikan sendiri bagaimana Tuhan memulihkan keluarga saya. Dan saya percaya dengan sepenuh hati bahawa Tuhan yang sama yang menebus keluarga saya, ingin membawa penyembuhan dan transformasi kepada ramai lagi. Bagi-Nya segala kemuliaan!

### Menemui Makna Hidup: Dari Kegelisahan kepada Panggilan Tuhan

Nama saya **Feliks Saulus Sinsam**, dari Pitas, Sabah. Saya anak bongsu daripada 9 adik-beradik, dan satu-satunya anak lelaki. Semasa membesar, saya memikul satu beban tersembunyi di bahu saya: keinginan untuk mengubah masa depan keluarga saya. Ibu bapa saya bekerja keras sebagai penoreh getah, dan saya sering bertanya-tanya sama ada kehidupan kami akan pernah berubah. Dengan rahmat Tuhan, saya menamatkan pengajian di UMS pada 2023. Walaupun dibesarkan dalam keluarga Kristian, hanya pada 2014 saya benar-benar bertemu dengan Yesus dan menyerahkan hidup saya kepada-Nya.





Semasa semester terakhir saya, muncul pergolakan yang mendalam dalam diri saya. Saya sering bertanya kepada diri sendiri, "Mengapa saya belajar sesuatu yang tidak saya minati? Apakah tujuan sebenar hidup saya?" Walaupun hampir menamatkan pengajian, hati saya terasa kosong, hilang arah, dan gelisah. Yang mampu saya lakukan hanyalah menjerit kepada Tuhan, memohon agar Dia menunjukkan jalan yang telah Dia sediakan untuk saya.

Segalanya berubah semasa retret CLC di bawah MCCC. Apabila video *Tears of the Saints* dimainkan, sesuatu dalam diri saya hancur. Melihat betapa ramai orang hidup dan mati tanpa pernah mendengar nama Yesus menguris hati saya. Pada saat itu, saya merasakan suara Tuhan dengan sangat jelas seolah-olah Dia berkata, "Di sinilah Aku mahu kamu berada. Inilah ladang yang Aku panggil kamu untuk melayani." Pada penghujung retret itu, saya menyerahkan diri sepenuhnya untuk melayani bersama MCCC.

Apabila saya memberitahu keluarga saya, ibu saya segera menyokong, tetapi ayah saya menentang idea itu dengan kuat. Walau bagaimanapun, saya melangkah dengan iman dan mendaftar sebagai New Life Volunteer. Tidak lama kemudian, Tuhan menyentuh hati ayah saya dengan melembutkan penentangannya, dan akhirnya beliau memberkati keputusan saya. Itu adalah satu mujizat yang tidak akan saya lupakan.

Kini, hampir 2 tahun dalam pelayanan sepenuh masa, saya boleh katakan perjalanan ini jauh daripada mudah. Ada hari-hari di mana saya berasa lemah, tidak layak, atau seolah-olah ketinggalan. Namun melalui setiap pergolakan, Tuhan telah membuktikan kesetiaan-Nya. Dia mengambil kelemahan saya dan menggunakan untuk memberkati orang lain. Dia menguatkan saya ketika saya merasa kosong. Dia mengingatkan bahawa setiap benih yang ditanam atas nama-Nya akan berbuah pada waktunya. Selagi saya melangkah dalam panggilan-Nya, saya pasti satu perkara: saya tidak akan pernah berjalan sendirian.



## Tuhan yang Panggil & Sediakan

Nama saya **Aleyzon Masidar**, pelajar Diploma Teologi Tahun-3 di Borneo Theological Seminary Namaus (BTSN), Sabah. Selepas tamat SPM pada 2012, saya melanjutkan pengajian dalam Diploma Rekabentuk Grafik dan kemudian bekerja di sebuah syarikat perkhidmatan kewangan selama lima tahun. Namun, walaupun memiliki pekerjaan yang stabil, hati saya terasa kosong. Saya merindukan arah yang jelas, tetapi ketenangan sukar ditemui.



Hidup saya berubah selepas berkahwin pada 2021. Saya mula membantu isteri saya, seorang pastor di SIB Solimpodon. Di musim itulah, Tuhan mula menggugah hati saya. Saya merasakan panggilan yang lembut tetapi tegas untuk mempersiapkan diri bagi pelayanan. Pada 2024, keinginan untuk melanjutkan pengajian teologi semakin kuat, tetapi cabaran kewangan membuat saya ragu-ragu. Namun, saya memilih untuk percaya dan mendaftar di BTSN dengan iman.

Iman saya benar-benar teruji di tahun pertama itu. Saya tidak mampu membayar yuran dan hampir terlepas untuk duduk peperiksaan akhir. Tetapi Tuhan yang memanggil adalah Tuhan yang menyediakan. Melalui pertemuan singkat dengan Wawasan Penabur yang "kebetulan" mengunjungi BTSN, Tuhan menyediakan seorang penaja yang menanggung yuran tahun pertama saya. Pada tahun kedua, Tuhan terus menghantar individu-individu membantu memenuhi keperluan saya.

Tahun ini, Tuhan memberkati kami dengan seorang anak perempuan. Semasa saya memasuki tahun akhir pengajian pada 2026, saya berpegang pada kepastian yang sama yang membawa saya ke sini: segala sesuatu di dunia ini milik Tuhan (Mazmur 50:10), dan Dia akan menyediakan segala keperluan saya menurut kekayaan-Nya dalam kemuliaan di dalam Kristus Yesus (Filipi 4:19). Bagi Tuhan segalai kemuliaan!



# Menabur Bahan Sumber BM Kristian: Satu Anak Kristian Satu Alkitab

## Berakar pada Firman-Nya: Perjalanan Rohani Seorang Gadis Muda

Ketika Arry berusia enam tahun pada tahun 2011, dia menerima sebuah hadiah yang akan membentuk perjalanan hidupnya — sebuah **Alkitab Kanak-Kanak**. Dia masih ingat bagaimana ilustrasi-ilustrasi itu seolah-olah bersinar dengan kehidupan walaupun setiap halaman dipenuhi dengan kisah tentang Tuhan yang mengasihi dengan mendalam dan setia. Malam demi malam, dia akan bersandar di katil sambil membaca tentang ketaatan Nuh, keberanian Daud, dan kasih Yesus. Walaupun masih kecil, sesuatu dalam hatinya dibangkitkan. Dia mula percaya bahawa Tuhan yang sama yang mengambil berat terhadap kanak-kanak dalam kisah-kisah itu, juga mengambil berat terhadap dirinya.

Pada usia 12 tahun, semasa salah satu ibadah gereja pada tahun 2017, dia merasakan suara Tuhan yang tenang dan lembut memanggilnya. Arry merasakan kehangatan yang naik dalam dirinya, satu getaran yang tidak dapat diabaikannya. Dengan air mata mengalir di pipinya, dia membisikkan doa yang akan menjadi sauh baginya selamanya, "Tuhan Yesus, saya ingin mengikut-Mu. Tolong jadilah Juruselamat saya." Pada hari itu, dia keluar dari dewan dengan perasaan ringan, seolah-olah rahmat itu sendiri memeluknya.


Imannya terus bertumbuh. Semasa berusia 13 tahun pada 2018, dia mula melayani sebagai pembantu Sekolah Minggu, membimbing anak-anak sebagaimana seseorang pernah membimbingnya, menceritakan kembali kisah-kisah yang telah membentuk dirinya — seorang gadis muda menyampaikan cahaya yang sama yang pernah diterimanya. Setahun kemudian pada 2019, dia menyertai pelayanan penyembahan, mempelajari tamborin dan menari dengan dedikasi. Setiap gerakan terasa seperti persembahan, ungkapan syukur kepada Tuhan yang telah menawan hatinya.



Kini berusia 20 tahun, Arry berada di tahun pertama pengajian TESL di sebuah universiti tempatan. Kegembiraan permulaan baru nyata dirasai, begitu juga dengan cabaran yang menyertainya. Dia menghadapi tekanan akademik, ketidakpastian tentang masa depan, dan beban tanggungjawab dewasa yang semakin meningkat. Dia mendapati dirinya bergelut dengan emosi yang belum pernah dialaminya sebelum ini — kesepian, kekeliruan, dan saat-saat keraguan diri. Kadang-kadang, dia tertanya-tanya sama ada dia cukup kuat untuk menghadapi segala yang menantinya.

Terdapat juga pemuda-pemuda yang menunjukkan minat kepadanya. Ada yang beragama Islam, sopan, menghormati, dan benar-benar tertarik dengan sifat lemah lebutnya. Perhatian itu membuatnya buntu, tidak pasti bagaimana untuk bertindak balas. Dia ingin bersikap baik, tetapi pada masa yang sama mahu tetap setia kepada panggilan Tuhan dalam hidupnya. Dalam saat-saat sunyinya, dia merenung apa sebenar makna kasih, kesetiaan, dan ketaatan.

Namun, setiap kali hatinya dilanda kekeliruan, Firman Tuhan kembali seperti bisikan yang mantap, ayat-ayat yang dihafalnya sejak kecil dan kebenaran yang tertanam dalam jiwanya. "Jagalah hatimu dengan segala kewaspadaan." "Jangan terikat dengan orang yang tidak seiman." "Ingatlah Penciptamu pada masa mudamu." Ayat-ayat itu menjadi sauh ketika dunia di sekelilingnya terasa tidak stabil.



Kadang-kadang pada waktu malam, dia akan membuka Alkitab Kanak-Kanak lamanya, yang lusuh dan penuh kenangan, dan berdoa, "Yesus, tuntunlah aku. Aku ingin menghormati-Mu." Dan damai sejahtera Tuhan selalu menyentuh hatinya.

Arry tidak tahu apa yang menanti di masa depan, tetapi dia mengenal Dia yang memegang masa depannya. Dengan keberanian yang tenang, dia melangkah ke bab seterusnya dalam hidupnya sambil membisikkan, "Tuhan, aku milik-Mu. Tuntunlah aku."

## SKI 2026



<https://www.sekolahisakhar.com.my/>



### Badan Pengurus (Penabur):

- **Chow Chee Yan** (Petaling Jaya Evangelical Free Church)
- **Roshan Thiran** (Pusat Injil Kelana Jaya)
- **Randy Singkee** (Sungai Way-Subang Methodist Church)
- **Rev Danil Raut** (BEM Sarawak, Legacy Builder Ministry)

### Badan Penasihat:

- **Rev Wong Fong Yang** (Senior Pastor Pengasas, City Discipleship Presbyterian Church)
- **Rev Datuk Jerry Dusing** (President, SIB Sabah)
- **Lim Heng Seng** (Peguam, SIB KL)
- **Rev Jasme Dairis** (Mantan Presiden, SIB Semenanjung)



**Sabda**  
HARIAN.COM

<https://sabdaharian.com/>

### Bagaimana Kita Boleh Bekerjasama?

- Sponsor dan dukung “Kempen Satu Anak Kristian Satu Alkitab” Wawasan Penabur**
- Menyumbang pada “Projek Didital Sabda Harian & Bicara Sabda”**
- Mensponsori pekerja sepenuh masa atau pelajar Sekolah Alkitab di pedalaman melalui “Inisiatif Sikhem”**

- Mendukung “Sekolah Kepimpinan Isakhar”**
- Doa Syafaat.** “Jikalau bukan TUHAN yang membangun rumah, sia-sialah usaha kita yang membangunnya”. Saya mahu serahkan diri kepada Tuhan untuk berdoa bagi gereja-gereja BM dan pelayanan Wawasan Penabur.

#### **Saya / Organisasi/Syarikat saya mahu menyumbang untuk pelayanan Wawasan Penabur.**

Ini adalah sumbangan saya/kami untuk Wawasan Penabur\*: RM \_\_\_\_\_

Nama: \_\_\_\_\_ Email: \_\_\_\_\_

Alamat: \_\_\_\_\_

Nombor Telefon: \_\_\_\_\_ (rumah) \_\_\_\_\_ (pejabat)  
\_\_\_\_\_(telefon bimbit) \_\_\_\_\_ (fax)

Cek: atas nama “Wawasan Penabur Sdn Bhd”

Bank-in: Akaun Maybank: 5623 6663 2813

\* Sila fax/kirim/email bank-in-slip kepada kami.